

SEHATI SEJIWA SYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

(Surah Al-Baqarah, ayat: 152)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya Allah SWT amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Nya kepada umat manusia. Sebab itu, menjadi kewajiban bagi kita semua mensyukuri segala bentuk kurniaan Allah SWT dengan berterusan meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada-Nya, dalam erti kata melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya supaya beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat . Ini sebagaimana firman-Nya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اٰرْكَعُوْا وَاَسْجُدُوْا وَاَعْبُدُوْا رَبَّكُمْ وَاَفْعَلُوْا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, rukuklah serta sujudlah, dan beribadatlah kepada Tuhan kamu, serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu Berjaya (di dunia dan di akhirat)." (S Al-Haj: 77).

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Maha Suci Allah yang menganugerahi Negara kita dengan nikmat kemerdekaan dan keamanan, yang dengannya membolehkan kita menjadi umat yang bertaqwa, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dengan nikmat kemerdekaan dan keamanan jugalah kita dapat mengecapi sistem pendidikan yang baik, kestabilan politik, kestabilan ekonomi dan kebebasan mencari rezeki di setiap inci muka bumi negara ini.

Sesungguhnya ini merupakan anugerah Allah SWT yang tidak ternilai harganya dalam suasana dunia yang diwarnai oleh kekejaman sesama manusia, keserakahan perebutan kuasa dan penjajahan minda. Maka, setiap kali memasuki bulan Ogos, sewajarnya rasa kesyukuran yang tinggi di kalangan seluruh rakyat Malaysia disubur dan dipertingkatkan lagi kerana pada bulan yang bersejarah ini kita merayakan Sambutan Hari Kebangsaan negara kita sebagai manifestasi kemerdekaan yang kita raih dan nikmati hingga ke hari ini. Kita mensyukuri nikmat kemerdekaan yang kita kecapai kerana ia memudahkan kita beribadat serta menjalani kehidupan seharian dalam keadaan aman, selamat dan tenteram.

Jadi dalam mensyukuri nikmat Allah ini, kita semua perlu mengambil iktibar dan menginsafi pergolakan yang terus berlaku di pelusok dunia merangkumi konflik etnik, agama dan bangsa seperti di Myanmar, Afghanistan, Syria, Libya dan lain-lain lagi. Ia seharusnya mengajar kita erti kemerdekaan yang sebenar agar kita tidak lupa diri dan kufur nikmat. Sebaliknya sentiasa mensyukuri nikmat keamanan, kedamaian, keharmonian dan kemakmuran yang dilimpah dan dianugerahkan Allah SWT kepada negara kita ini dan seterusnya bersungguh-sungguh mendekati diri kepada-Nya Yang Maha Esa.

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA,

Seyogianyalah kita semua insafi bahawa nikmat kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran yang dikecapi rakyat kini bukannya datang bergolek. Ia adalah hasil perjuangan pemimpin dan pejuang terdahulu berkat inayah dan keizinan dari Allah SWT. Kemudian, perjuangan suci itu pula diteruskan oleh pemimpin-pemimpin pasca kemerdekaan.

Oleh itu, sama ada kita lahir sebelum merdeka mahupun lahir sesudah merdeka, kita semua harus sehati sejiwa mensyukuri nikmat kemerdekaan, keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang kita kecapai hingga ke hari ini. Sehati sejiwa di sini membawa maksud bersatu dan seia sekata dari segi pemikiran, tindakan dan wawasan dalam menghargai, mempertahankan dan memulihara nikmat kemerdekaan kurniaan Allah SWT. Ia boleh kita lakukan melalui tiga cara, iaitu:

Pertama, melalui hati. Bersyukur melalui hati ialah mengakui bahawa semua nikmat yang dikecapi di dunia ini adalah kurniaan Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ia akan meningkatkan rasa keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT sekali gus berusaha menjauhi segala bentuk godaan dunia.

Kedua, melalui lidah. Bersyukur melalui lidah ialah dengan cara mengucapkan kalimah syukur seperti **“Alhamdulillah”**. Lafaz ini merupakan manifestasi rasa kesyukuran yang lahir daripada hati hasil daripada kesedaran bahawa kehidupan manusia ditentukan serta dikuasai oleh Allah SWT sepenuhnya.

ketiga, melalui anggota badan. Bersyukur melalui anggota badan ialah dengan menggunakan anggota yang zahir untuk tujuan kebaikan dengan menghindari anggota badan seperti tangan, kaki, mata dan sebagainya daripada melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan mudarat kepada diri sendiri, masyarakat dan Negara. Ketahuilah bahawa sesungguhnya setiap anggota badan akan menjadi saksi atas apa yang dilakukan di dunia ini pada hari akhirat kelak.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Mensyukuri nikmat kemerdekaan dan tidak mengkufurinya bererti mengisi dan memaknakan kemerdekaan dengan melakukan transformasi, yakni perubahan serta pembaharuan yang bersesuaian serta relevan. Transformasi merangkumi tindakan-tindakan dan usaha-usaha membangun modal insan dan sumber alam lainnya berpandukan petunjuk Ilahi. Tujuannya sudah tentulah untuk mensejahterakan kehidupan rakyat secara holistik dan menyeluruh. Dasar dan orientasi ini bertepatan dengan kerangka kemerdekaan yang menjurus ke arah mewujudkan negara yang berdaulat dan makmur dalam limpahan rahmat dan keredaan Allah SWT selaras dengan piawaian **“Baladatul Taiyibatun Warrabun Ghafur”** yang bermaksud: **“...Negerimu” adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun.** (S. Saba': 15).

Perubahan serta pembaharuan penting kerana hakikatnya keadaan sesuatu kaum tidak akan berubah kepada keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya jika mereka tidak mahu berusaha memanfaatkan nikmat yang dianugerahkan Allah SWT.

Maknanya, nikmat kemerdekaan hendaklah disyukuri dengan memperbaiki diri dan mempergunakan kebebasan dan keamanan secara bijak untuk menghindari diri dan masyarakat daripada penjajahan rohani, akhlak dan mental. Pengajaran ini terungkap pada seruan Nabi Musa AS yang menyeru bangsanya mengingati nikmat kemerdekaan yang dianugerahi oleh Allah SWT seperti yang terakam di dalam al-Quran:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَنْقُومِ أَدْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ جَعَلَ فِيكُمْ أَنْبِيَاءَ وَجَعَلَكُمْ مُلُوكًا وَءَاتَاكُمْ مَا لَمْ

يُؤْتِ أَحَدًا مِّنَ الْعَالَمِينَ ﴿٢٠﴾

Yang bermaksud: *“Dan (ingatlah); mereka wahai Muhammad, ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: Wahai kaumku! Kenanglah nikmat Allah (yang diberikan) kepada kamu ketika Dia menjadikan dalam kalangan kamu beberapa orang Nabi, dan Dia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhambakan oleh Firaun dan orang-orangnya), dan Dia memberikan kepada kamu barang yang tidak pernah diberikan kepada sesiapa pun dari umat-umat (yang ada pada masa itu).”* (S. Al-Maidah: 20).

Sehubungan itu, sebagai pewaris kemerdekaan, kita bertanggungjawab untuk memelihara segala nikmat kurniaan Allah SWT demi memastikan obor kemerdekaan yang dinyalakan oleh para pejuang serta pemimpin terdahulu tidak menjadi pudar sekali gus memastikan kemerdekaan yang dikecapi dimanfaatkan sebaik-baiknya ke arah usaha mensejahterakan hidup dan kehidupan semua.

Caranya ialah turut mengisi dan memaknakan kemerdekaan dengan melakukan kerja-kerja yang bermanfaat dalam melestarikan pembangunan fizikal dan pembangunan rohani. Untuk ini, kita hendaklah meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran sebagai bekalan bagi mempertahankan dan memperkasakan kemajuan yang ada selain komited dan istiqamah meningkatkan pembangunan bangsa dan negara pada masa hadapan.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Yang jelas, kemerdekaan, keamanan, keselamatan dan perpaduan rakyat yang wujud hari ini adalah satu nikmat dan khazanah warisan yang cukup bernilai. Ia tidak boleh ditukar ganti mahupun dijual beli dalam apa jua keadaan sekalipun. Kerana itu, semua pihak sama ada yang tua mahupun yang muda, yang berada mahupun yang kurang berada, yang berpangkat mahupun yang tidak berkedudukan hendaklah sentiasa sehati sejiwa untuk bersatu menjadi benteng mempertahankan negara kita daripada apa jua bentuk ancaman luar dengan terus memperkukuhkan keharmonian hidup yang berbagai agama dan kaum di nusa tercinta yang berdaulat dan merdeka ini.

Pada masa sama, sewaktu menyambut dan meraikan Hari Kebangsaan ini, kita hendaklah memperbaharui azam untuk membina sebuah negara yang harmoni, bersatu padu dan progresif dengan menghayati kembali segala usaha yang telah dilakukan dalam pembinaan negara selama ini. Kemudian, iringilah azam murni ini dengan perasaan serta semangat sehati sejiwa mengharungi cabaran-cabaran yang mendatang bertunjangan ilmu pengetahuan, kemahiran, teknologi yang didasari keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Seterusnya, didiklah diri sendiri dan ahli keluarga menjadi manusia yang bersyukur dan menghargai segala kurniaan Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya, Allah SWT akan memberi ganjaran pahala serta nikmat yang berlipat ganda kepada orang yang tahu dan mahu bersyukur di atas segala kurniaan-Nya sebagaimana firman-Nya:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Yang bermaksud: “Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberi tahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.” (S. Ibrahim: 7).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

